



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 25 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 25 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah tiga (3) laporan kejadian kluster ILI daripada tiga (3) buah negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 24 April 2010, sejumlah 39 kes disahkan influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,436. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 545 kes. Daripada jumlah tersebut, 60 kes (11.0%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 10 kes di mana 9 daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko.

Kementerian Kesihatan telah menerima satu (1) laporan kematian berkaitan dengan H1N1 pada hari ini. Kes melibatkan seorang lelaki berumur 63 tahun yang mengidap penyakit paru-paru kronik (*Chronic Obstructive Airway Disease, COAD*). Kes telah dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban pada 22 April 2010 dan meninggal dunia pada 23 April 2010. Walaupun kes ini disahkan positif jangkitan virus H1N1 melalui ujian PCR, Pakar Perubatan yang mengendalikan kes ini mengesahkan bahawa kematian disebabkan oleh jangkitan bakteria di dalam darah (sepsis) berdasarkan kepada keputusan ujian darah yang dijalankan. Untuk makluman, daftar kematian H1N1 seluruh negara masih kekal 80 orang.

Kementerian ingin menarik perhatian orang ramai bahawa majoriti kematian yang dikaitkan dengan jangkitan virus H1N1 melibatkan mereka yang mempunyai faktor-faktor risiko seperti asma, diabetes, penyakit buah pinggang, penyakit jantung, penyakit paru-paru, ibu mengandung dan kegemukkan (*morbid obesity*). Mereka ini mudah mengalami komplikasi penyakit sedia ada atau jangkitan bakteria sekunder yang menyebabkan sepsis yang boleh membawa maut. Oleh itu, Kementerian Kesihatan ingin menggesa orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti di atas, supaya segera mendapatkan

pelalian vaksin H1N1 di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 25 April 2010

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia,
Sehingga 8:00 Pagi Pada 25 April 2010**

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	MRSM Bentong, Pahang	808 orang	16 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simtomatik sebagai pesakit luar,
2	Satu keluarga di Lubuk Kasau Bemban, Jasin, Melaka	6 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
3	SMK Sains Kubang Pasu, Kedah	636 orang	17 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simtomatik dan seorang (1) diberi antiviral. Dirawat sebagai pesakit luar